BERJAYA SOMPO INSURANCE

# Auto Plus Personal Accident

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

**Pelanggan yang Dihormati,**
Lembaran Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat;
**oleh itu, kami menggalakkan anda untuk membacanya juga.**

Tarikh: 07/01/2026

## 1 Apakah Auto Plus Personal Accident?

Easy Rider Personal Accident memberikan perlindungan penting kepada mana-mana pemandu atau penumpang yang sah di dalam kereta anda. Ia juga diperluaskan untuk melindungi anda dan ahli keluarga anda daripada kemalangan yang melibatkan mana-mana kenderaan di samping kereta anda sendiri.

Orang yang bermastautin di Malaysia dan mempunyai Pas Pelajar atau Pas Pekerjaan/Permit Kerja yang bekerja secara sah di Malaysia, yang berumur tiga (3) hingga tujuh puluh (70) tahun.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

**Sebagai gambaran**, untuk jumlah ***RM 260.00*** setahun, anda akan menerima perlindungan seperti berikut:

**Polisi Ini melindungi:**

| Manfaat | Pelan C (RM) |
|---|---|
| 1. Kematian | 35,000 |
| 2. Kehilangan Upaya Kekal | 35,000 |
| 3. Perbelanjaan Perubatan | 1,500 |
| 4. Pendapatan Hospital Harian (sehingga 150 hari) | 150 |
| 5. Perbelanjaan Pembedahan | 3,000 |
| 6. Elaun Pengebumian atau Pembakaran Mayat | 3,000 |

**Polisi anda tidak tidak termasuk:**

- Kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada
- Bunuh diri atau cubaan membunuh diri
- Kecederaan diri yang disengajakan, dan
- Di bawah pengaruh alcohol atau dadah, dan sebagainya

Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi ini setiap tahun.

***Nota:***

***a. Sila imbas kod QR di bawah untuk mendapatkan senarai penuh perlindungan dan pengecualian.***
***b. Anda dinasihatkan untuk mengambil perhatian terhadap skala faedah bagi kematian dan hilang upaya seperti yang dinyatakan dalam polisi insurans kami.***
***c. Faedah yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had tertentu. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Berjaya Sompo Insurance Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).***
***d. Anda mesti menamakan sekurang-kurangnya seorang (1) penama dan memastikan bahawa penama anda sedar tentang Polisi Insurans Kemalangan Diri yang telah anda beli.***
***e. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans ini serta menghubungi ejen atau pihak kami untuk mendapatkan penjelasan sekiranya terdapat sebarang keraguan sebelum membeli Polisi ini. Anda perlu memastikan bahawa Polisi ini memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya.***
***f. Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan maklumat peribadi atau butiran hubungan bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diterima oleh anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada kami di cawangan kami atau Pusat Khidmat Pelanggan.***

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan tentang insurans kemalangan diri anda, anda boleh:

**Hubungi Khidmat Pelanggan kami**
Dalam Malaysia (Talian Bebas Tol): 1-800-889-933
Luar Negara: +603-2170 7300

**Lawati kami di:**
https://www.berjayasompo.com.my/product/auto-plus-pa

**Hantar e-mel kepada kami di:**
customer@bsompo.com.my

**Imbas Kod QR di atas**

## 3 Ketahui Tanggungjawab Anda

| **Untuk polisi insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium seperti berikut:** | |
|---|---|
| Perlindungan Asas: Pelan C – Sehingga 5 orang (Kenderaan Komersil) | ***RM 260.00*** *(tahunan)* |
| Premium keseluruhan* anda perlu bayar adalah RM ***260.00*** | |
| **Anda juga perlu bayar yuran dan caj berikut:** | |
| Duti Setem | ***RM 10.00*** |
| Komisyen | *10% daripada premium atau **RM 26.00*** |
| Lain-lain cukai yang boleh dikenakan (cukai perkhidmatan) | *8% daripada premium atau **RM 20.80*** |

****Nota: Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung pada jenis kenderaan, jumlah orang, pilihan pelan anda, dan kriteria pengunderaitan.***

## 4 Other Key Terms

**Kewajipan Pendedahan**
Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan tuntutan anda ditolak atau Polisi anda dibatalkan.

**Perubahan Risiko**
Jika pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa apa-apa perubahan yang berlaku secara material dari mana-mana fakta yang diberi pada tarikh cadangan, anda hendaklah dalam masa tujuh (7) hari memberi notis secara bertulis kepada kami dan membayar premium tambahan sekiranya perlu.

**Tunai Sebelum Perlindungan**
Premium penuh mesti dibayar sebelum tarikh kuat kuasa Polisi.

**Bayaran Premium**
Bayaran boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Bayaran Dalam Talian (mana-mana berkenaan) kepada Berjaya Sompo Insurans Berhad. Tolong simpan resit premium yang dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan pada masa hadapan.

**Batas Wilayah**
Di mana sahaja diantara Malaysia, Singapore, Brunei Darussalam atau Thailand.

**Prosedur Tuntutan**
Notis bertulis harus diberi kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Anda boleh mengemukakan tuntutan anda dengan menghantar e-mel kepada customer@bsompo.com.my atau mengunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara.

**Note:** Senarai ini Adalah **tidak lengkap**. Sila rujuk kepada kod QR untuk senarai penuh bagi terma-terma dan syarat-syarat

## ? Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, kami akan mengekalkan premium minimum sebanyak RM60.00 dan memulangkan baki premium secara prorata kepada anda. Walau bagaimanapun, premium tidak akan dikembalikan sekiranya terdapat tuntutan yang telah dibayar atau dikemukakan kepada kami sepanjang tempoh polisi.

**Apakah jenis produk Insurans Am lain yang disediakan?**
Auto Plus Personal Accident. Sila lawati www.berjayasompo.com.my untuk lebih lanjut.

Berjaya Sompo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.